

Kecurian

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1300 888 990



customer@libertyinsurance.com.my



www.libertyinsurance.com.my

BAHAWASANYA Pihak yang diinsuranskan yang dinamakan dalam perisytiharan polisi ini dan menjalankan Perniagaan dalam perisytiharan polisi ini dan tiada yang lain bagi tujuan insurans ini telah mengemukakan kepada **LIBERTY GENERAL INSURANCE BERHAD** suatu cadangan dan perisytiharan yang dengan ini diisytiharkan sebagai asas kepada kontrak dan dianggap termasuk dalam polisi ini dan telah membayar atau bersetuju membayar kepada Syarikat Premium yang dinyatakan dalam Jadual untuk insurans yang ditakrifkan.

Dengan ini Polisi ini menyaksikan bahawa sekiranya pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual polisi ini harta atau mana-mana bahagiannya yang diterangkan dan dimasukkan dalam cadangan tersebut dan Jadual yang dinyatakan dan dipunyai oleh Pihak yang diinsuranskan atau dipegang oleh Pihak yang diinsuranskan secara amanah atau atas komisen dan yang dipertanggungjawabkan kepada Pihak yang Diinsuranskan, yang berada di dalam Premis yang diterangkan dalam Perisytiharan tersebut (yang pengkapannya termasuklah pejabat yang bersambung dengannya tetapi tidak termasuk mana-mana taman atau bangunan luar atau perlengkapan lain yang diduduki oleh Pihak yang diinsuranskan kecuali yang diperuntukkan dalam polisi ini), hendaklah telah hilang akibat KECURIAN dan PECAH RUMAH tetapi hanya sekiranya ia disertai dengan pemecahan masuk atau keluar bangunan melalui kekerasan atau keganasan, atau apa-apa percubaan terhadap bangunan itu atau sekiranya berlaku sebarang KEROSAKAN terhadap harta atau premis tersebut yang terpaksa ditanggung oleh Pihak yang diinsuranskan yang ditakrifkan dalam polisi ini, yang diakibatkan oleh Kecurian dan Pecah Rumah tersebut atau apa-apa percubaan berkaitan dengannya.

Tertakluk kepada keterangan yang dikemukakan oleh Pihak yang diinsuranskan yang hendaklah memuaskan Syarikat bahawa harta yang berkaitan dengan tuntutan yang dibuat itu benar-benar hilang disebabkan oleh Kecurian atau Pecah Rumah yang dinyatakan terdahulu, dan juga tertakluk kepada pematuhan dan penyempurnaan peruntukan dan Syarat yang terkandung dalam polisi ini, dan apa-apa Pengendorsan selepas ini, yang mesti dibaca sebagai sebahagian daripada Polisi ini, Syarikat hendaklah membayar atau memenuhi tuntutan Pihak yang diinsuranskan bagi kerugian tersebut melalui pembayaran, pengembalian, penggantian atau pembaikan menurut pilihan Syarikat setakat nilai intrinsik harta yang hilang atau bagi kerosakan tersebut setakat jumlah yang ditanggungnya, tetapi tidak melebihi jumlah atau jumlah-jumlah yang diinsuranskan bagi harta tersebut, ataupun tidak melebihi kesemua Jumlah yang diinsuranskan dalam Polisi ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Dengan syarat bahawa setakat mana Insurans yang diberikan oleh Polisi ini hendaklah terpakai kepada kandungan premis atau sebahagiannya yang digunakan untuk tujuan kediaman tiada satupun Barang yang diinsuranskan (Piano, Organ atau Perabot dikecualikan) hendaklah bernilai lebih tinggi daripada 5 peratus daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan bagi kandungan premis tersebut kecuali dinyatakan secara khusus.

KEKECUALIAN

Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan:

- a) Disebabkan oleh mana-mana anggota keluarga Pihak yang diinsuranskan, kakitangan perniagaan atau orang gaji, atau mana-mana orang yang berada dalam premis tersebut secara sah.
- b) Disebabkan oleh atau berlaku kerana Peperangan, Penyerangan, Tindakan Musuh Asing, Pertempuran (sama ada Peperangan diisytiharkan atau tidak), Perang Saudara, Penentangan, Revolusi, Pemberontakan, Tindakan Ketenteraan atau Rampasan Kuasa atau Rusuhan Kekacauan Awam atau perampasan, pemecatan atau penjarahan yang berkaitan dengannya.
- c) Yang boleh diinsuranskan dengan Polisi Kebakaran.
- d) Dalam kes premis yang digunakan sepenuhnya atau sebahagiannya untuk tujuan perniagaan, yang boleh diinsuranskan melalui Polisi Kaca.
- e) Bagi harta yang diinsuranskan secara khusus atau (kecuali dinyatakan secara khusus) suratikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, wang atau jaminan wang, setem, apa-apa jenis dokumen, manuskrip, buku akaun, pingat atau syiling.
- f) Sekiranya Pihak yang diinsuranskan, tanpa mendapat kebenaran bertulis Syarikat terlebih dahulu melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa perubahan kepada premis yang diinsuranskan atau perlindungannya.
- g) Dalam kes premis yang digunakan secara eksklusif untuk tujuan kediaman, yang timbul semasa ia tidak diduduki setelah ia tidak diduduki selama tiga bulan, sama ada secara berterusan atau tidak, dalam mana-mana tahun insurans.
- h) Yang timbul di luar premis yang dinyatakan dalam Jadual.
- i)
 - (a) Apa-apa harta sekalipun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang diakibatkan atau yang timbul daripada mana-mana kerugian turutan.
 - (b) Apa-apa liabiliti undang-undang dalam apa jua bentuk secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran melalui sinaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear akibat pembakaran bahan api nuklear.

Bagi tujuan kekecualian ini semata-mata, pembakaran hendaklah meliputi apa-apa proses pembelahan nuklear kekal-diri.

j) Indemniti atau pampasan yang diperuntukkan oleh Polisi ini tidak terpakai kepada mahu pun meliputi apa-apa kemalangan, kerugian, kemusnahan, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear.

k) Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan menipu oleh mana-mana orang yang termasuk dalam makna tafsiran tentang kesalahan menipu yang terkandung dalam Kanun Keseksaan.

Penipuan di tafsirkan dalam Kanun Keseksaan sebagai “barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta atau dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang adalah dikatakan ‘Menipu’”.

l) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan Jenayah Pecah Amanah oleh mana-mana orang yang termasuk dalam makna tafsiran tentang kesalahan Jenayah Pecah Amanah yang terkandung dalam Kanun Keseksaan.

m) Pecah Amanah Jenayah ditafsirkan dalam Kanun Keseksaan sebagai “barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan sengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan ‘Pecah Amanah Jenayah’”.

SYARAT-SYARAT

1. Polisi ini dengan Kekecualian, Peruntukan, Tafsiran, Syarat, Perisytiharan dan Pengendorsan hendaklah dibaca sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang diberikan makna khusus pada mana-mana bahagian dalam polisi ini akan menggunakan makna khusus tersebut walau di mana sahaja ia disebutkan.
2. Pihak yang diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah biasa dan munasabah untuk keselamatan harta yang diinsuranskan, dan hendaklah setakat yang munasabah menggunakan semua kunci, selak, kancing dan apa-apa cara bagi melindungi premis tersebut. Sekiranya polisi tersebut akan melindungi apa-apa barang dagangan, barang keperluan atau harta yang berciri serupa dengannya, Pihak yang diinsuranskan hendaklah menyimpan buku jualan dan buku stok yang secukupnya dan hendaklah memastikannya sentiasa dikemas kini.
3. Tiada apapun yang terkandung dalam polisi akan ini memberi hak terhadap Syarikat kepada mana-mana orang selain Pihak yang diinsuranskan, dan Syarikat tidak akan terikat oleh apa-apa pemindahan kepentingan Pihak yang diinsuranskan selain atas sebab kematian, kecuai dan sehingga Syarikat melalui Pengendorsan pada polisi ini mengisytiharkan Insurans tersebut boleh diteruskan.
4. Setiap notis atau komunikasi yang hendak diberikan di bawah Polisi ini hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Syarikat.
5. Apabila terjadi apa-apa kejadian yang menimbulkan atau yang berkemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini:
 - (a) Pihak yang diinsuranskan hendaklah memberi notis bertulis dengan segera kepada Syarikat tentang kejadian tersebut menyatakan keadaan kes, dan kecuai notis tersebut telah diterima dalam tempoh enam minggu selepas kejadian tersebut Syarikat tidak bertanggung atas apa-apa kehilangan atau kerosakan yang berlaku berkaitan dengan kejadian tersebut. Seterusnya Pihak yang diinsuranskan hendaklah memberi notis bertulis dengan segera berkenaan apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada pihak Polis.
 - (b) Pihak yang diinsuranskan hendaklah menyerahkan kepada Syarikat dalam tempoh tujuh hari dari tarikh kejadian tersebut sampai ke pengetahuannya, atau dalam tempoh selanjutnya yang dibenarkan oleh Syarikat, suatu pernyataan terperinci secara bertulis tentang kehilangan atau kerosakan yang dialami dengan anggaran nilai intrinsik setiap barang yang hilang, dan/atau jumlah kerosakan yang dialami.
 - (c) Pihak yang diinsuranskan hendaklah mengemukakan kepada Syarikat semua butiran dan keterangan, dokumentari atau sebaliknya, dan menyempurnakan serta melaksanakan semua jaminan dan perkara yang dikehendaki secara munasabah oleh Syarikat untuk menyokong tuntutan tersebut, bagi mengenal pasti dan menghukum orang atau orang yang bersalah, untuk mengesan dan mendapatkan semula harta yang hilang, dan mengganti rugi Syarikat,

setakat yang boleh, berkaitan dengan jumlah yang akan mereka bayar atau bertanggung membayar di bawah Polisi ini. Syarikat hendaklah menanggung perbelanjaan semua butiran, keterangan, jaminan dan benda yang diperlukannya bersama-sama perkara di atas atau mana-mana daripadanya, selain daripada yang boleh menyokong tuntutan tersebut. Sekiranya terdapat apa-apa tuntutan palsu dalam apa cara sekali pun, atau sebarang peranti palsu digunakan oleh Pihak yang diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan apa-apa faedah di bawah Polisi ini, semua faedah di bawah Polisi ini dan semua wang yang telah dibayar bagi tujuan tersebut akan dirampas.

6. Dengan pembayaran apa-apa tuntutan kehilangan di bawah Polisi ini harta berkenaan dengan bayaran yang dibuat itu hendaklah menjadi milik Syarikat.
7. Sekiranya pada masa berlakunya kejadian kehilangan atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini harta yang diinsuranskan secara kolektifnya bernilai lebih tinggi daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan maka Pihak yang diinsuranskan hendaklah dianggap menanggung sendiri insurans bagi perbezaan jumlah tersebut dan hendaklah menanggung bahagian yang perlu dibayar bagi kerugian dengan cara yang sewajarnya.
8. Sekiranya pada masa berlaku kehilangan atau kerosakan yang dilindungi oleh Polisi ini terdapat apa-apa insurans dalam bentuk apa sekalipun yang melindungi perkara yang sama, sama ada diambil oleh Pihak yang diinsuranskan atau tidak, Syarikat tidak bertanggung membayar atau menyumbangkan lebih daripada bahagian yang perlu dibayar olehnya bagi apa-apa kerugian dan kerosakan.
9. Semua jumlah yang boleh dibayar dari semasa ke semasa dalam bentuk pampasan kepada Pihak yang diinsuranskan di bawah Polisi ini dalam mana-mana satu tahun insurans hendaklah dikira sebagai pengurangan kepada Jumlah yang Diinsuranskan supaya dalam kes kerugian selanjutnya atau kerosakan dalam tahun yang sama jumlah keseluruhan yang boleh dibayar oleh Syarikat tidak boleh dalam mana-mana kes melebihi Jumlah yang Diinsuranskan.
10. Tiada pengakuan menjanjikan tawaran pembayaran atau indemnitasi boleh dibuat atau diberikan oleh atau bagi pihak Pihak yang diinsuranskan tanpa kebenaran bertulis daripada Syarikat yang akan berhak sekiranya ia berhasrat untuk mendakwa bagi pihak Pihak yang diinsuranskan untuk faedahnya sendiri apa-apa tuntutan indemnitasi atau ganti rugi atau sebaliknya dan akan mempunyai budi bicara sepenuhnya dalam pengendalian apa-apa prosiding atau dalam penyelesaian sebarang tuntutan dan Pihak yang diinsuranskan hendaklah memberikan maklumat berkaitan dan bantuan yang dikehendaki oleh Syarikat.
11. Pematuhan dan penunaian terma, peruntukan, syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berkaitan dengan apa-apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak yang diinsuranskan dan kebenaran pernyataan dan jawapan dalam Cadangan hendaklah menjadi syarat terdahulu kepada apa-apa liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.
12. Syarikat tidak terikat untuk menghantar apa-apa notis Premium Pembaharuan perlu dibayar, atau memperbaharui Polisi ini. Syarikat hendaklah pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pihak yang diinsuranskan melalui surat berdaftar yang diposkan ke alamat Pihak yang diinsuranskan yang terakhir diketahui oleh Syarikat, bebas untuk menentukan atau membatalkan Polisi tersebut pada tarikh notis tersebut, dengan syarat Syarikat hendaklah sekiranya perkara itu berlaku apabila dituntut memulangkan kepada Pihak yang diinsuranskan bahagian bersekadar premium yang sepadan dengan tempoh Polisi yang belum berakhir. Sekiranya terdapat sebarang kenyataan yang salah dalam cadangan atau fakta material yang ditinggalkan dari cadangan Insurans ini, Polisi ini hendaklah menjadi terbatal dan tidak sah bagi semua tujuan dan apa-apa premium yang telah dibayar baginya akan dilucut hak.
13. Tiada pindaan terma Polisi ini dan tiada Pengendorsan atasnya adalah sah kecuali ditandatangani atau diparap oleh peguamcara Syarikat atau oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Syarikat.
14. Semua perselisihan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada timbangtara yang dianggotai oleh orang yang dilantik oleh kedua belah pihak, atau sekiranya mereka tidak bersetuju terhadap seorang Penimbangtara, kepada keputusan dua orang Penimbangtara, seorang hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak, dan dalam kes terdapat percanggahan antara Penimbangtara tersebut, kepada keputusan seorang Pengadil yang akan dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara-Penimbangtara tersebut sebelum membuat rujukan kepadanya, dan Award hendaklah menjadi syarat terdahulu bagi apa-apa liabiliti Syarikat atau apa-apa hak mengambil tindakan terhadap Syarikat. Sekiranya Syarikat menafikan liabiliti terhadap Pihak yang diinsuranskan bagi apa-apa tuntutan di bawah polisi ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk kepada timbangtara dalam tempoh 12 bulan kalendar dari tarikh penafian sedemikian di bawah peruntukan yang terkandung dalam polisi ini maka tuntutan tersebut hendaklah bagi semua tujuan dianggap telah dibatalkan dan tidak boleh didapatkan semula selepas itu di bawah polisi ini.

N.B Untuk perlindungan anda sendiri sila baca Polisi ini dan Syaratnya dan sekiranya Polisi tidak diisi dengan betul atau tidak selaras dengan hasrat anda sila kembalikannya ke pejabat untuk dipinda.

PENGENDORSAN/ FASAL/ WARANTI
(Tidak termasuk dalam Polisi kecuali ditetapkan dalam Jadual)

PENGENDORSAN KERUGIAN PERTAMA

Walau apa sahaja yang terkandung dalam polisi ini yang bertentangan maka diisytiharkan dan dipersetujui bahawa:

- a) liabiliti maksimum Syarikat berkaitan dengan suatu kehilangan atau siri kehilangan yang berlaku berkaitan dengan atau yang timbul daripada satu kejadian tidak boleh melebihi jumlah yang diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Polisi.
- b) sekiranya jumlah keseluruhan harta tersebut pada bila-bila masa melebihi jumlah yang diisytiharkan, Pihak yang Diinsuranskan hendaklah memaklukkannya kepada Syarikat dan sekiranya dikehendaki, membayar premium tambahan.
- c) sekiranya pada masa kehilangan jumlah nilai keseluruhan harta lebih tinggi daripada jumlah yang diisytiharkan:
 - 1) sekiranya kerugian melebihi jumlah yang diinsuranskan Syarikat hanya bertanggung bagi bahagian jumlah yang diinsuranskan yang mana jumlah nilai harta yang diisytiharkan adalah bersamaan dengan jumlah nilai harta berisiko itu.
 - 2) sekiranya kerugian tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan Syarikat hanya bertanggung bagi bahagian kerugian yang mana jumlah nilai harta yang diisytiharkan adalah bersamaan dengan jumlah nilai harta berisiko tersebut.

Tertakluk sebaliknya kepada terma kekecualian dan syarat Polisi ini.

PERLUASAN KEPADA ROMPAKAN/ ROMPAKAN BERSENJATA

Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan bagi melindungi risiko Rompakan/Rompakan Bersenjata dan bahawa perkataan "Rompakan" hendaklah bermakna mengambil harta Pihak yang diinsuranskan:

- i) Melalui keganasan yang menyakiti penjaganya
- ii) Dengan membuatnya takut kepada keganasan
- iii) Daripada penjaga yang telah dibunuh atau tidak sedar.

PENGENDORSAN KECURIAN SEPENUHNYA

Perkataan 'dengan cara kekerasan atau keganasan' dan 'dengan syarat hendaklah terdapat tanda yang jelas yang dibuat terhadap Premis tersebut di tempat masuk atau keluar menggunakan peralatan, bahan letupan, elektrik atau bahan kimia' dalam fasal operasi polisi ini dianggap telah dipotong.

Maka diisytiharkan dan dipersetujui selanjutnya bahawa Polisi ini tidak melindungi kehilangan harta yang diinsuranskan atau mana-mana bahagiannya kerana dicuri atau sebaliknya hilang dari premis kecuali kehilangan itu dikenal pasti oleh Pihak yang diinsuranskan berkaitan dengan kejadian tertentu yang menjadi perkara yang diberitahu dengan segera di bawah terma Syarat 7 Polisi ini. Bagi tujuan pengendorsan ini apa-apa kehilangan yang disedari pada masa pengambilan stok tidak akan dianggap membentuk kejadian tertentu. Syarikat insurans tidak bertanggung bagi jumlah pertama yang ditunjukkan dalam Jadual nombor pengendorsan ini berkaitan dengan setiap dan semua tuntutan yang boleh dibayar kerana perluasan ini.

PENGENDORSAN SIMPAN KIRA

Adalah menjadi syarat terdahulu bagi hak Pihak yang diinsuranskan untuk mendapatkan semula di bawah Polisi ini, bahawa sekiranya satu tuntutan dikemukakan di bawah polisi ini Pihak yang diinsuranskan boleh memberikan kepada Syarikat rekod-rekod yang berikut untuk menyokong tuntutan tersebut:

- a) Rekod semua stok yang disimpan pada tarikh pengambilan stok terakhir sebelum tarikh kecurian yang berkaitan dengannya tuntutan dibuat.
- b) Rekod semua barangan yang dimasukkan ke dalam stok sejak tarikh pengambilan stok terakhir. (Rekod ini mesti disokong oleh invoice).
- c) Rekod jualan harian yang terperinci sama ada secara tunai atau sebaliknya dan apa-apa pemindahan stok lain sejak tarikh pengambilan stok terakhir.

Peruntukan sebelum ini tidak boleh menghalang Syarikat daripada meminta maklumat selanjutnya yang dianggap perlu sekiranya tuntutan dibuat di bawah Polisi ini.

Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan kekecualian Polisi ini.

PENGENDORSAN/ FASAL/ WARANTI
(Tidak termasuk dalam Polisi kecuali ditetapkan dalam Jadual)

FASAL PEMINDAHAN SEMENTARA

Harta yang diinsuranskan di bawah polisi ini dilindungi (terhad kepada 10% jumlah yang diinsuranskan) semasa dipindahkan sementara waktu untuk pembersihan, pengubahsuaian, modifikasi, pembaikan atau tujuan lain yang sama, ke tempat lain dalam premis yang sama atau ke mana-mana premis lain dan semasa transit untuk ke tempat tersebut dan dari tempat tersebut melalui jalanraya, jalan kereta api atau jalan air pedalaman, semuanya di republik Singapura atau Malaysia. Jumlah yang boleh dituntut di bawah perluasan ini berkaitan dengan harta yang dipindahkan itu tidak boleh melebihi jumlah yang boleh didapatkan semula sekiranya kerugian tersebut berlaku di dalam bahagian premis dari mana harta tersebut dipindahkan sementara waktu. Perluasan ini tidak terpakai kepada harta sekiranya dan setakat mana ia sebaliknya diinsuranskan, ia juga tidak terpakai kepada barang yang meliputi stok dan semua jenis barang dagangan atau berkaitan dengan kerugian yang terjadi di tempat lain selain daripada di premis yang dari mana harta tersebut dipindahkan sementara waktu, ke:-

- a) Kenderaan motor dan cesi motor.
- b) Harta (selain daripada mesin dan loji) yang dipegang oleh Pihak yang diinsuranskan secara amanah.

FASAL TEMPAT SIMPANAN SEMENTARA

Harta (kecuali bangunan) yang diinsuranskan di bawah Polisi ini dilindungi semasa disimpan sementara waktu di mana sahaja di Malaysia dan Singapura dengan syarat bahawa:

- a) Tempoh penyimpanan sementara tidak boleh melebihi enam puluh (60) hari.
- b) Liabiliti syarikat terhad kepada 10% daripada jumlah keseluruhan yang diinsuranskan atau RM500, 000.00 yang mana lebih rendah bagi harta yang dilindungi di bawah fasal ini.
- c) Syarikat tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan harta semasa dalam transit (termasuk proses memunggah masuk dan memunggah keluar berkaitan dengan transit tersebut).
- d) Insurans ini tidak terpakai kepada harta setakat mana yang ia sebaliknya diinsuranskan dan tidak terpakai kepada kenderaan motor dan cesi motor.

FASAL MUATAN KENDERAAN

Sekiranya mana-mana kenderaan Pihak yang diinsuranskan dibiarkan berisi muatan semalaman semasa di dalam dan/atau di atas premis yang diperihalkan dalam jadual, Syarikat akan menanggung rugi Pihak yang diinsuranskan bagi muatan berkenaan sekiranya ia hilang atau rosak disebabkan oleh apa-apa bahaya yang diinsuranskan oleh Polisi ini.

WARANTI PERLINDUNGAN DAN PENYELENGGARAAN PENGGERA PENCEROBOH

Sepanjang berkuatkuasanya Polisi ini adalah sentiasa diwarantikan bahawa:

- a) Premis yang mengandungi harta yang diinsuranskan dilindungi oleh sistem penggera penceroboh yang diluluskan dengan dipasang bateri tunggu sedia.
- b) Apabila premis yang mengandungi harta yang diinsuranskan ditutup untuk urusan perniagaan atau ditinggalkan tanpa jagaan penggera penceroboh hendaklah dipasangkan untuk beroperasi sepenuhnya dan dengan betul.
- c) Sistem penggera penceroboh sedemikian hendaklah diselenggara supaya berkeadaan baik di bawah peruntukan kontrak penyelenggaraan tahunan. Sekiranya sistem penggera adalah dibawah jaminan pengeluar, Pihak yang diinsuranskan hendaklah mengikat kontrak penyelenggaraan tahunan apabila berakhir tempoh jaminan dengan pengeluar itu atau pengedar berdaftar sistem penggera penceroboh tersebut.

PENGENDORSAN SEWA BELI

Adalah dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa syarikat yang ditetapkan dalam jadual (selepas ini dirujuk sebagai pemilik tersebut) adalah pemilik harta yang diinsuranskan dan harta tersebut adalah subjek suatu perjanjian sewa beli yang dibuat antara pemilik pada satu pihak dengan Pihak yang diinsuranskan pada satu pihak yang lain. Adalah difahami seterusnya dan dipersetujui bahawa apa-apa bayaran yang dibuat berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan (yang mana kehilangan atau kerosakan tidak boleh diperbetulkan melalui pembaikan pengembalian atau penggantian) di bawah terma Polisi ini hendaklah dibuat kepada pemilik selagi mereka adalah pemilik harta tersebut dan penerimaan mereka adalah pelepasan sepenuhnya dan muktamad bagi Syarikat berkaitan dengan kehilangan atau kerosakan tersebut. Adalah juga difahami dan dipersetujui bahawa tanpa mengira mana-mana peruntukan dalam perjanjian sewa beli tersebut yang bertentangan Polisi ini dikeluarkan kepada Pihak yang diinsuranskan sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai agen

atau pemegang amanah bagi pihak pemilik atau sebagai suatu serahhak (sama ada mengikut undang-undang atau secara ekuiti) oleh Pihak yang diinsuranskan kepada pemilik berkenaan dengan hak kepentingan dan tuntutan di bawah Polisi ini. Akhirnya adalah difahami dan dipersetujui bahawa Pihak yang diinsuranskan tidak boleh menyerahkan hak kepentingan dan tuntutannya di bawah Polisi ini tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat.

Syarikat tidak bertanggungjawab di bawah Polisi ini bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang timbul semasa premis ditutup kepada pelanggan atau pelawat kecuali pada masa tersebut sistem penggera penceroboh dan semua lekapan dan perlindungan lain yang ada di premis tersebut beroperasi sepenuhnya dan secara efektif.

Tertakluk sebaliknya kepada terma Polisi ini.

FASAL PEMINDAHAN DALAMAN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya harta tersebut dipindahkan dari satu bangunan ke bangunan lain apabila berlaku keadaan yang disebutkan sebelum ini yang secara tidak sengaja tidak diberitahu kepada Syarikat, insurans bagi harta berkenaan akan mengikut pemindahan tersebut, pelarasan perlu pada jumlah yang diinsuranskan dan premium akan dibuat dari tarikh pemindahan tersebut sebaik sahaja kealpaan tersebut disedari.

PENGENDORSAN/FASAL/WARANTI (Tidak termasuk dalam Polisi kecuali ditetapkan dalam Jadual)

PEMBERITAHUAN KERUGIAN

Tanpa mengira apa sahaja yang terkandung dalam polisi ini yang bertentangan adalah dipersetujui bahawa insurans ini tidak akan diprejudis oleh apa-apa kelewatan, kesilapan atau peninggalan yang tidak disengajakan dalam memberitahu Syarikat tentang apa-apa keadaan atau kejadian yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini.

PENGEMBALIAN KERUGIAN

Dalam mempertimbangkan akujanji Pihak yang diinsuranskan untuk membayar premium tambahan pada kadar yang dipersetujui bagi jumlah kerugian yang dikira pada kadar pro rata dari tarikh kerugian tersebut hingga tamat tempoh insurans sekarang, adalah dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian Insurans di bawah polisi ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi jumlah penuh yang diinsuranskan.

PENILAIAN

Sekiranya agregat tuntutan bagi apa-apa kerugian tidak melebihi RM5,000.00 atau 5% daripada jumlah yang diinsuranskan yang mana jumlahnya lebih kurang daripada barang atau barang-barang yang terjejas tiada inventori atau penilaian khas bagi harta yang tidak mengalami kerosakan diperlukan.

PENANDAAN

Apabila perlu bagi tujuan menentukan tajuk di bawah mana apa-apa harta akan diinsuranskan, Pihak yang diinsuranskan bersetuju menerima penandaan harta berkenaan sebagaimana yang telah dimasukkan dalam buku Pihak yang diinsuranskan.

HARGA KONTRAK

Adalah dipersetujui bahawa bagi barangan yang dijual tetapi tidak dihantar yang menjadi tanggungjawab Pihak yang diinsuranskan dan berkaitan dengannya di bawah syarat jualan kontrak jualan dibatalkan disebabkan oleh kebakaran atau apa-apa sahaja bahaya lain yang dengan ini diinsuranskan sama ada sepenuhnya atau setakat kerugian atau kerosakan liabiliti Syarikat hendaklah berdasarkan harga kontrak dan bagi tujuan mengira nilai semua barangan yang menyebabkan fasal ini terpakai sekiranya berlaku kemusnahan atau kerosakan, asas yang sama hendaklah digunakan.

FASAL KUNCI

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa insurans melalui Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kehilangan atau kerosakan terhadap harta yang diinsuranskan akibat daripada penggunaan kunci (kunci-kunci) bagi almari perhiasan/kabinet/laci/almari atau apa-apa salinan kunci (kunci-kunci) tersebut yang dimiliki oleh Pihak yang diinsuranskan yang mana kunci (kunci-kunci) tersebut telah diperoleh daripada Pihak yang diinsuranskan melalui ancaman atau tindakan ganas.

Dengan syarat bahawa almari perhiasan/kabinet/laci/almari sentiasa berkunci kecuali semasa dalam penggunaan segera.

PENGENDORSAN PAJAKAN

Adalah dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa pemajak yang dinyatakan dalam jadual (selepas ini dirujuk sebagai pemajak tersebut) adalah pemilik harta yang diinsuranskan dan bahawa harta berkenaan adalah subjek kepada perjanjian pajakan yang dibuat antara pemajak pada satu pihak dengan Pihak yang diinsuranskan pada satu pihak yang lain. Adalah difahami dan dipersetujui selanjutnya bahawa apa-apa bayaran yang dibuat berkaitan dengan kehilangan atau kerosakan (yang mana kehilangan atau kerosakan tidak boleh diperbetulkan melalui pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah terma polisi hendaklah dibuat kepada pemajak tersebut selagi mereka adalah pemilik harta tersebut dan penerimaan mereka hendaklah menjadi pelepasan penuh dan muktamad bagi Syarikat berkaitan dengan kehilangan dan kerosakan tersebut. Adalah difahami dan dipersetujui bahawa tanpa mengira sebarang peruntukan bertentangan dalam perjanjian pajakan Polisi ini dikeluarkan atas nama Pihak yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam jadual sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai agen atau pemegang amanah bagi pihak pemajak tersebut dan tiada apa dalam polisi ini boleh ditafsirkan sebagai melantik Pihak yang diinsuranskan, sebagai agen atau pemegang amanah bagi pemajak tersebut atau sebagai serahhak (sama ada mengikut undang-undang atau secara ekuiti) oleh Pihak yang diinsuranskan kepada pemajak tersebut apa-apa hak, kepentingan dan tuntutan di bawah Polisi ini, tiada apa dalam polisi ini boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan apa-apa hak untuk pemajak menyaman Syarikat dalam apa-apa kapasiti sekalipun bagi apa-apa dakwaan pelanggaran obligasinya di bawah polisi ini.

FASAL KERUGIAN SEMASA/SELEPAS BERLAKU KEBAKARAN

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa insurans ini melindungi kerugian disebabkan oleh kecurian semasa atau selepas berlaku kebakaran, tanpa mengira apa-apa peruntukan bertentangan yang dinyatakan dalam syarat bercetak polisi ini.

FASAL SALAH NYATA

Polisi ini tidak akan diprejudis oleh apa-apa perubahan atau salah nyata penghunian. Notis hendaklah diberikan kepada Syarikat dengan segera apabila Pihak yang diinsuranskan menyedarinya dan hendaklah membayar premium tambahan, sekiranya dikehendaki dari tarikh bermula pertambahan bahaya tersebut.

FASAL PENGGADAI JANJI (PENGGADAI)

Kerugian, sekiranya ada, yang boleh dibayar kepada penggadai janji (penggadai) yang dinyatakan dalam jadual yang kepentingannya boleh wujud dan insurans ini, berkaitan dengan kepentingan penggadai janji (penggadai) sahaja dalam insurans ini, tidak boleh dijadikan tidak sah oleh apa-apa tindakan atau kecuaiannya pemegang gadai janji (pemegang gadaian) atau pemilik harta yang diterangkan dalam polisi ini atau oleh apa-apa penutupan gadai janji atau prosiding lain atau notis penjualan berkaitan harta tersebut atau oleh penghunian premis tersebut bagi tujuan yang lebih berbahaya selain daripada yang dibenarkan oleh polisi ini, atau oleh tanpa penghuniannya, atau oleh apa-apa pertambahan risiko lain yang berlaku di dalam harta yang diinsuranskan di bawah polisi ini, dengan syarat bahawa sekiranya pemegang gadai janji (pemegang gadaian) atau pemilik gagal membayar apa-apa premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini penggadai janji (penggadai) hendaklah membayarnya apabila diminta. Dengan syarat juga bahawa penggadai janji (penggadai) hendaklah memaklumkan syarikat tentang kekosongan premis atau pertukaran hak milik atau penghunian atau pertambahan bahaya yang sampai ke pengetahuan penggadai janji (penggadai) dan kecuali dibenarkan oleh Polisi ini hendaklah dicatatkan pada polisi ini dan penggadai janji (penggadai) hendaklah membayar premium apabila diminta bagi pertambahan bahaya tersebut untuk tempoh polisi ini, jika tidak polisi ini akan menjadi tidak sah dan terbatal.

Dan adalah dipersetujui seterusnya bahawa bila syarikat akan membayar penggadai janji (penggadai) sebarang jumlah berkaitan dengan kehilangan atau kerosakan di bawah polisi ini dan akan menuntut bahawa tidak wujud liabiliti terhadap pemegang gadai janji (pemegang gadaian) atau pemilik, Syarikat akan secara sah menjadi subrogasi kepada semua hak atau penggadai janji (penggadai) setakat bayaran sedemikian tetapi tidak sehingga mengurangkan hak penggadai janji (penggadai) tersebut untuk mendapatkan semula jumlah penuh apa-apa tuntutannya yang mungkin ada terhadap pemegang gadai-janji (pemegang gadaian) atau pemilik atau terhadap mana-mana pihak lain yang diinsuranskan di bawah polisi ini atau daripada mana-mana sekuriti atau dana yang ada. Dan adalah dipersetujui seterusnya bahawa pembatalan polisi ini tidak boleh dikuatkuasakan oleh Pihak yang diinsuranskan kecuali dengan makluman terdahulu kepada penggadai janji (penggadai) secara bertulis memberikan empat belas (14) hari notis ke alamat terakhir penggadai janji (penggadai) yang diketahui.

PENGENDORSAN/FASAL/WARANTI

(Tidak termasuk dalam Polisi kecuali ditetapkan dalam Jadual)

MOGOK, RUSUHAN DAN KEKACAUAN AWAM

Adalah dipersetujui dan difahami bahawa tertakluk sebaliknya kepada terma, ketakmasukan, peruntukan dan syarat yang terkandung dalam Polisi atau yang diendors ke atasnya dan tertakluk kepada Pihak yang diinsuranskan telah membayar premium tambahan yang

dipersetujui, Polisi ini hendaklah diperluas untuk memasukkan kehilangan atau kerosakan kepada kepentingan yang diinsuranskan yang timbul secara langsung atau disebabkan oleh mogok, rusuhan dan kekacauan awam yang bagi tujuan fasal ini hendaklah bermaksud:

- 1) Tindakan mana-mana orang mengambil bahagian bersama-sama pihak lain dalam apa-apa gangguan terhadap keamanan awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat masuk kerja atau tidak) yang bukan merupakan kejadian yang disebutkan dalam kekecualian di bawah.
- 2) Tindakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang dibentuk secara sah di bawah undang-undang untuk menumpaskan atau mencuba untuk menumpaskan apa-apa gangguan sedemikian atau meminimumkan akibat daripada apa-apa gangguan sedemikian.
- 3) Tindakan disengajakan oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat masuk bekerja yang dilakukan untuk melanjutkan mogok atau menentang suatu sekat masuk bekerja.
- 4) Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang dibentuk secara sah di bawah undang-undang untuk menghalang atau mencuba untuk menghalang mana-mana tindakan sedemikian atau meminimumkan akibat daripada apa-apa tindakan sedemikian.

KEKECUALIAN

Dengan syarat bahawa Syarikat tidak bertanggung bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan terhadap kepentingan yang diinsuranskan yang disebabkan oleh atau melalui atau diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh kejadian-kejadian yang berikut:

- a) Peperangan, penyerangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seumpama peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara.
- b) Dahagi, kekacauan awam yang menjadi sebahagian daripada atau yang sama seperti pemberontakan popular, pemberontakan tentera, penentangan, pemberontakan, revolusi, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa.
- c) Apa-apa tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi yang aktivitiya menjurus kepada penggulingan melalui kekerasan Kerajaan de jure atau de facto atau melalui pengaruhnya oleh tindakan penganas atau keganasan.

Dalam sesuatu tindakan, guaman atau prosiding, apabila syarikat insurans mendakwa bahawa disebabkan oleh peruntukan kekecualian ini apa-apa kehilangan atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban untuk membuktikan bahawa kehilangan dan kerosakan berkenaan adalah dilindungi hendaklah terletak kepada Pihak yang diinsuranskan.

WARANTI PREMIUM

Adalah menjadi syarat asas dan khusus sepenuhnya kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar hendaklah dibayar dan bayaran diterima oleh Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi/pengendorsan/sijil pembaharuan ini.

Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini terbatal secara automatik dan Syarikat berhak kepada premium pro rata bagi tempoh mereka menghadapi risiko.

Apabila premium yang perlu dibayar mengikut waranti ini diterima oleh agen Syarikat yang diberi kuasa, bayaran tersebut hendaklah dianggap diterima oleh Syarikat bagi tujuan waranti ini dan beban membuktikan bahawa premium yang dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk seorang agen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium berkenaan adalah terletak kepada Syarikat.

Tertakluk sebaliknya kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini.

NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memaklumkan kepada Pihak Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Pihak Syarikat boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

a) Unit Pengurusan Aduan

Liberty General Insurance Berhad

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Hubungan Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel. No.: +603 2268 3333 (Talian Am) atau

Maklumat hubungan untuk kesemua jenama kami boleh didapati di bawah:

Saluran Hubungan Liberty Insurance

Talian Khas Liberty Insurance: 1300 888 990
E-mel: customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

Saluran Hubungan Kurnia Insurans

Talian Khas Kurnia Insurans: 1 800 88 3833
E-mel: customer@kurnia.com
Laman Web: www.kurnia.com

Saluran Hubungan AmAssurance

Talian Khas AmAssurance: 1 800 88 6333
E-mel: customer@amassurance.com.my
Laman Web: www.amassurance.com.my

**b) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)
(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)**

No. Syarikat: 200401025885
Talian Am: +603 2272 2811
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur
Laman Web: www.fmos.org.my

c) **BNMLINK**

Bank Negara Malaysia

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

e-Pautan: bnm.gov.my/BNMLINK

Laman Web: www.bnm.gov.my

3. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).